



**PERCUMA** 28 - 30 April 2013, 17 - 19 Jamadilakhir 1434

**Nik Aziz:  
Kuburkan  
Umno 5 Mei ini**  
**muka 2**

**Penduduk Kelana Jaya  
tahu saya bersama  
mereka - Nik Nazmi**  
**muka 5**



**BN abai infrastruktur  
Kg Bagan Parit Baru  
Baroh**  
**muka 7**



## DISENANGI RAKYAT...

Calon N41 DUN Batu Tiga, Rodziah Ismail tersenyum ketika menerima sepiring tauhu bakar daripada peniaga di salah sebuah gerai makan di Uptown Seksyen 24, sewaktu mengadakan program turun padang bersama petugas pilihan raya DUN Batu Tiga. Dalam program tersebut beliau turut berpeluang beramah mesra dengan pengunjung yang hadir



Oleh HAFIZAN TAIB,  
MOHD EZLI MASHUT dan  
NAZLI IBRAHIM

# Makin ramai Melayu Selangor sokong PR

SHAH ALAM - Sokongan dan penerimaan masyarakat Islam-Melayu kepada Pakatan Rakyat (PR), yang lazimnya dikatakan rendah berbanding sokongan terhadap Umno-BN, kini dilihat bertambah di seluruh Selangor.

Peralihan sokongan ini di antara masyarakat Melayu bandar dan di pedalaman, sekaligus memberi keyakinan bahawa PR dapat menambah bilangan kerusi parlimen dan DUN yang dikuasainya dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Sekiranya sokongan tersebut berlanjutan sehingga hari pemungutan undi pada 5 Mei, PR mempunyai peluang cerah untuk mempertahankan lebih setengah daripada 56 kerusi DUN, sekaligus membentuk Kerajaan Negeri selepas PRU-13.

Trend tersebut juga menun-

jukkan bagaimana pentadbiran PR Selangor pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dapat menangkis momokan Umno-BN bahawa masa depan masyarakat Melayu akan terjejas sekiranya PR berkuasa.

Seorang aktivis PAS, Salleh Abdullah dari DUN Sabak berkata, trend sokongan tersebut dapat dilihat dari awal tahun ini lagi semasa aktiviti ceramah ditingkatkan sebelum pembubaran Parlimen pada 3 April lalu.

"Ceramah kita buat di kampung-kampung, di tengah-tengah sawah padi, ramai yang hadir. Luar biasa... bukan orang luar

yang hadir. Majoriti orang kampung itu.

"Hanya penceramah dan beberapa pegawai sahaja orang luar kawasan," katanya semasa dihubungi Selangor Kini.

Calon bukan Melayu PR juga mendapati pengundi Melayu yang ditemui semasa lawatan kempen ke pasar, kedai makan dan rumah semakin positif berbanding pilihan raya 2008.

"Secara umumnya, mood dan penerimaan orang Melayu di kawasan Paya Jaras jauh lebih baik kali ini.

"Dulu mereka agak dingin te-

tapi secara keseluruhan sekarang mereka dah positif terhadap PR," kata Khairuddin Othman, calon PR DUN Paya Jaras.

Sentimen tersebut dikongsi calon PR DUN Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan daripada DAP, yang berasa teruja dengan sambutan yang ditunjukkan pengundi Melayu di kawasan itu.

"Perbezaan warna kulit bukan halangan. Saya diterima baik semua bangsa termasuk masyarakat Melayu sebagai pengundi majoriti.

"Saya berbesar hati dengan sambutan diberikan dan besar

harapan saya agar PR menawan kawasan ini," katanya apabila ditemui.

Di kawasan kampung tradisi pula kata calon PR Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad, sokongan terhadap PR tidak ditunjukkan secara terang-terangan seperti menggantung bendera atau poster PR.

"Sokongan (terhadap PR) memang jelas. Setiap kali saya bersemuka dengan orang kampung, mereka mengatakan sokongan terhadap PR memang ada, cuma tidak ditonjolkan," kata Dr Dzulkefly ketika dihubungi.

# PM Najib seperti 'sesumpah politik'



Menteri Besar meluangkan masa memberi penerangan pada Program Mesra Wanita Armada Putra di Pulau Indah

SHAH ALAM - Tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sering mengeluarkan kenyataan berbeza-beza mengikut masa dan kumpulan masyarakat dalam siri kempen pilihan raya, tidak ubah seperti 'sesumpah politik'.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membidas sikap bermukamu itu yang beliau sifatkan kerana Najib tidak mempunyai dasar yang jelas untuk membantu rakyat.

Abdul Khalid berkata, Najib menggunakan kenyataan-kenyataan yang berbau populis, tanpa mempunyai idea bagaimana untuk menangani isu-isu yang membelit rakyat.

Ini dapat dilihat dari kegagalan Najib untuk membentangkan pelan membela nasib tujuh juta pekerja di negara ini.

"Contohnya dalam isu dasar kekurangan tenaga pekerja, beliau hanya mengambil penyelesaian mudah dengan mengambil tenaga pekerja asing sedangkan apa yang perlu

adalah dasar untuk meningkatkan produktiviti pekerja," katanya.

Antara yang dibidas Abdul Khalid adalah janji gaji minima RM900 yang dicanang BN sebelum ini. Malangnya sehingga kini hasrat itu tidak terlaksana.

"Tambahan pula Presiden MCA Chua Soi Lek membantah cadangan tersebut kononnya akan memberi kesan kepada para majikan. Nampaknya BN tidak serius dan tidak faham tentang dasar gaji minima ini.

"Sebaliknya Pakatan Rakyat menjawab kegagalan itu di dalam manifesto untuk menawan Putrajaya menerusi dasar jelas yang di mana kita menjanjikan tabung RM2 bilion untuk melaksanakan dasar gaji minima RM1,100,"katanya.

Di Selangor, Pakatan Rakyat menyediakan bantuan untuk anak-anak syarikat kerajaan negeri melaksanakan dasar gaji minima RM1,500 sebulan untuk mengeluarkan pekerja daripada kemiskinan.

## Nik Aziz: Kuburkan Umno 5 Mei ini

Oleh LIZAWATI MADFA

PUTRAJAYA - Manusia tidak akan hidup dengan selamat dan tenang di atas muka bumi ini jika menolak Islam sepertimana yang dilakukan Umno, kata Mursyidul Am PAS Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

Ujarnya, Islam tidak seharusnya ditolak lebih-lebih lagi ia diturunkan Allah sebagai panduan bagi membawa rahmat ke atas semua.

"Tetapi bagi Umno, Islam ini diibaratkan 'laknat fil al amin'.

"Inilah kecelakaan yang menimpa pemikiran orang Islam di sebelah sini sebagaimana yang menimpa pemikiran orang Arab di Timur Luar sana," kata Menteri Besar Kelantan ini.

Beliau berucap demikian di hadapan lebih 10,000 hadirin yang hadir dalam satu ceramah di Presint 9 berdepan bangunan Istana kehakiman di sini.

Sehubungan itu, beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bangkit menguburkan Umno-BN dalam Pilihan Raya Umum Ke 13, seterusnya membina empayar pentadbiran baru mengikut acuan sebenar Islam.

"Di Kelantan, bermula daripada awal 90-an kita sudah amalkan Islam secara menyeluruh meliputi aspek sosial, ekonomi, budaya, dan sebagainya.

"Sembahyang, tunaikan haji, ikut

cara Nabi tetapi kenapa dalam soal pentadbiran negeri tidak boleh ikut cara Baginda, kenapa ditolak dan ikut cara orang putih.

"Insyallah pada 5 Mei nanti kita akan menang dan bersama-sama rayakannya pada 6 Mei," tambah Nik Aziz.

Terdahulu, beliau menerima borang keahlian PAS daripada 100 orang bekas ahli Umno, daripada empat cawangan PAS di Putrajaya.



**Sembahyang, tunaikan haji, ikut cara Nabi tetapi kenapa dalam soal pentadbiran negeri tidak boleh ikut cara Baginda, kenapa ditolak dan ikut cara orang putih**

**NIK ABDUL AZIZ**  
Mursyidul Am PAS

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim turun padang di Kampung Kundang, Kuang membantu calon PKR DUN Kuang, Tg Maraziyah Tg Sulaiman dan calon PKR Parlimen Selayang, William Leong bagi menghadapi PRU



# Sungai Selangor sumber alternatif ganti Langat 2

Oleh NORHAYATI UMOR

MORIB - Sebahagian Sungai Selangor di Bestari Jaya bakal dimajukan dengan kaedah takungan bagi menghasilkan satu sumber air mentah untuk Lembah Klang, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Projek tersebut mampu menyalurkan 2,000 juta liter sehari (JLH), iaitu penambahan 20 peratus daripada jumlah air yang diperlukan sehari di Lembah Klang.

Projek itu merupakan alternatif kepada projek mega Langat 2 yang akan menyalurkan air dari Pahang ke Selangor dan yang bakal menelan belanja RM4 bilion.

"Lembaga Urus Air Selangor (Luas) berusaha untuk mencari punca-punca air baru untuk ditakung supaya dapat dibekalkan kepada penduduk," katanya dalam sidang media selepas merasmikan program Hari Air Sedunia peringkat Selangor, di sini.

Hadir sama, Pengarah Luas, Md Khairi Selamat.

Luas sedang mengkaji kaedah untuk mengempung air hujan di sungai itu dan salah satu cara yang sedang dipertimbangkan adalah dengan membina kolam takungan.

"Kajian itu mendapati, air hujan akan masuk ke sungai seterusnya ke laut. Kita terus ke laut sebab jika terlalu banyak ia

akan berlaku banjir.

"Kita juga akan kenal pasti punca-punca sumber air yang lain. Kajian kita menunjukkan ini cara yang terbaik."

"Bagi operasi loji rawatan dan takungan air akan disatukan bagi memudahkan pelaksanaan dan menjimat kos," kata Abdul Khalid.

Beliau menambah, pihaknya sedang menilai kos bagi projek tersebut.

Beliau berkata, projek tersebut akan diumumkan dalam dua atau tiga bulan akan datang.

Dalam pada itu, Abdul Khalid turut memaklumkan sehingga minggu lepas, paras air di empangan Selangor berada di tahap 85 peratus.

# Kereta anak perempuan Xavier dibakar

KLANG - Sebuah kereta milik anak perempuan calon PKR Seri Andalas, Dr Xavier Jayakumar rosak akibat dibakar di rumahnya, di Taman Klang Jaya, di sini.

Sangheta Jayakumar, 30, berkata, beliau percaya kejadian itu bermotifkan politik kerana beliau sering mengikuti bapanya berkempen.

Katanya, kejadian yang berlaku kira-kira jam 11 malam itu disedari jirannya apabila dua lelaki memanjat ke dalam pekarangan rumah tersebut sebelum bertindak memecahkan tingkap kereta dan melempar masuk tong berisi minyak petrol.

"Semasa kejadian, saya berada di Bilik Gerakan DUN Sri Andalas. Pada waktu itu, suami saya dan anak berumur setahun sedang tidur di dalam rumah.

"Jiran-jiran yang menyedari menjerit meminta pertolongan. Dua lelaki suspek itu

mengugutnya dengan mahu menyimbah petrol ke arahnya, namun bertindak melarikan diri apabila ramai jiran-jiran keluar melihat kejadian.

"Akibatnya, kereta saya dibakar sehingga tahap 'total loss'. Nasib mereka tidak sempat membakar sebuah lagi kereta suami saya," katanya dalam sidang media di Bilik Gerakan Dun Andalas, di sini.

Jelasnya, menurut saksi kejadian, selain dua suspek yang melontar petrol itu, dua lagi lelaki lain menunggu di dalam kereta jenis Kia Spectra berwarna perak.

Sangheta yang juga Exco AMK Pusat mengemukakan tindakan berunsurkan politik ganas.

"Tindakan ganas ini menjadikan keluarga saya trauma. Tetapi walaupun berlaku kejadian ini, ia tidak akan membakar semangat kami untuk memperjuangkan dasar-dasar Pakatan Rakyat (PR)," katanya.



Keadaan kereta milik Sangheta yang diparkir di halaman rumah musnah terbakar

# Sah DUN Kota Damansara ditandingi calon PKR

SHAH ALAM - Keputusan PAS beralah daripada menuntut kerusi DUN Kota Damansara disambut baik oleh calon PSM yang bertanding menggunakan logo PKR, Dr Mohd Nasir Hashim (*gambar*).

Beliau yakin keputusan itu merupakan perkembangan positif dalam usaha Pakatan Rakyat (PR) mempertahankan

kerusi DUN Kota Damansara, seterusnya menguasai Putrajaya.

Menurut Dr Nasir, keputusan itu dimaklumkan Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, Dr Abdul Rani Osman.

"Sekarang kita kena bergerak untuk jelaskan kepada orang ramai, lebih-lebih lagi penyokong PR yang PAS sudah

tarik diri supaya tak timbul kekeliruan" kata Dr Mohd Nasir ketika dihubungi.

Menurut Dr Nasir, selain mengharap bekas calon PAS, Ridzuan Ismail dapat menerima keputusan kepimpinan tertinggi, beliau berharap PSM dan PAS



dapat terus berganding bahu mengekalkan Selangor di tangan PR.

"Biasanya PAS sentiasa terbuka menerima keputusan kepimpinan parti dan saya harap begitulah supaya kita dapat saling bantu membantu," katanya lagi.

Sebelum ini pertembungan PKR dan PAS di kerusi DUN Kota Damansara dianggap mampu menjejaskan peluang PR mempertahankan kerusi DUN terlibat.

Dr Nasir akan dicabar Halimatun Saadiah Bohan (BN), Halmi Omar (Bebas), Edros Abdullah (Bebas) dan A Supayyah (Bebas).

# 4 ALBUM

Selangorkini 28 - 30 April 2013



▲ Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, bersama wanita di Pusat Wanita Berdaya Kampung Delek, mengadakan demo masakan selepas merasmikan Pusat Perkembangan keluarga Ehsan SPIES D'Village DUN Selat Klang



▲ Calon N29 Seri Serdang, Noor Hanim Ismail berkesempatan melawat Haji Masli (kanan) yang menghidap sakit pada hati. Antara kata-kata menarik dari isteri Haji, Ismail, "Biar kita menang orang, mereka menang bendera"



▲ Mohamed Salleh M. Husin, yang merupakan calon bagi Parlimen Sungai Besar, menurunkan tandatangan pada poster kempen bagi memenuhi permintaan pengundi beliau sewaktu Program Bertemu Pengundi di Pasar Pagi Pekan Sungai Besar



▲ BERSEMANGAT... perayu-perayu undi wanita Hulu Kelang berganding bahu menjalankan tugas mereka menyakinkan pengundi-pengundi bagi membantu kemenangan Pakatan Rakyat di DUN tersebut, seterusnya menawan Putrajaya



▲ Saari Sungib melepaskan peserta Konvoi Bermotor Calon N18 Hulu Kelang yang akan mengedarkan risalah calon dan manifesto Pakatan Rakyat ke 7 lokasi penduduk sekitar Hulu Kelang



▲ Calon P101 Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat dan calon N23 Dusun Tua, Haji Razaly Hassan turun padang berkempen di Pasar Tani Pekan Bt14 Hulu Langat

# Jawatan PM: Rakyat pilih Anwar

KAJIAN UMCEDEL SIAPA LEBIH LAYAK JADI PM

**KUALA LUMPUR:** 43 peratus pengundi di negara ini berpendapat Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih layak dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia berbanding 39 peratus untuk Datuk Seri Najib Razak.

Bagi pengundi Melayu pula, peratusannya lagi besar iaitu 54 peratus untuk Anwar dan 28 peratus untuk Najib.

Begitu juga bagi pengundi kali pertama. 48 peratus dari mereka mengatakan Anwar lebih layak berbanding hanya 25 peratus untuk Najib.

Kesemua mereka membuat keputusan itu berdasarkan soalan 'Pemimpin yang layak dilantik menjadi Perdana Menteri' dalam kajian yang dibuat oleh Pusat Kajian Pilihan raya dan Demokrasi Universiti Malaysia (UMCEDEL).

Kajian itu membabitkan 1,407 responden itu dijalankan bermula hari pembubaran Dewan Rakyat 3 April lalu sehingga 20 April lalu, iaitu pada hari penamaan calon.

"Peratusan keseluruhan siapa yang layak menjadi perdana menteri menunjukkan Anwar (dapat) 43 peratus manakala Najib 39 peratus," kata Pengarah Umcedel, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman dalam sidang media di Universiti Malaya hari ini.



43%

ANWAR  
IBRAHIM

39%

NAJIB  
RAZAK



# Ahli Umno perlu kembali ke pangkal jalan

## Mat Taib ajak Melayu sokong DAP

**PAYA JARAS** - Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib, yang menyerahkan borang menyertai PAS baru-baru ini mengajak orang Melayu untuk memberikan sokongan kepada DAP dan Pakatan Rakyat (PR) dan tidak termakan dengan propaganda Umno dalam pilihan raya ini.

"Jika anda memberikan undi kepada pemimpin seperti Tony Pua, Rafizi Ramli... pemimpin-pemimpin muda ini, saya memberitahu anda bahawa semua agensi kerajaan akan menjadi lebih selamat di tangan mereka," kata beliau yang lebih dikenali Mat Taib ketika berceramah di kampung Paya Jaras Hilir.

Mat Taib berkata, DAP kini ialah sebuah parti yang penuh pemimpin muda berkebolehan yang lebih mementingkan kepentingan awam daripada perkara lain. Ditambah pula dengan pemimpin berkaliber di PAS seperti Timbalan Presidennya, Mohamad Sabu dan Naib Presiden, Datuk Husam Musa, Mat Taib berkata, PR sudah bersedia untuk membawa Malaysia ke mercu jaya.

"Husam, Rafizi (Ramli) dan Tony Pua ini adalah pemimpin Kelas A... Saya memberitahu anda PAS-DAP-PKR sudah bersedia untuk mengambil alih sebagai kerajaan yang baru," tegasnya.

Menyentuh mengenai cara berterusan BN menakutkan orang Melayu dengan dakwaan 'Cina akan berkuasa' jika PR memerintah, Mat Taib menyifatkannya sebagai idea yang palsu.

"Mereka sedang cuba menakutkan orang Melayu dengan berkata DAP sedang cuba mengawal kerajaan. Ini sama seperti menakutkan anak-anak kita dengan menjerit 'Hantu'. Tiada hantu sebenarnya. Kita cuma nak takutkan anak kita. Orang Melayu tidak sepatutnya berasa takut," terang beliau lagi.

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KUALA SELANGOR** - Mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Mohd Taib menyeru ahli-ahli Umno 'kembali ke pangkal jalan' yang sebenar dengan meninggalkan parti itu yang sarat dengan pelbagai kerosakan.

Ujarnya, pimpinan Umno-BN yang mempermainkan pelaksanaan hukum hudud disifatkan beliau sebagai seorang yang angkuh dan tidak wajar diikuti oleh rakyat di negara ini.

"Bagaimana kita hendak mengikuti mereka, jika imam saya sudah tidak betul maka saya perlu memisahkan dengan mereka," ujarnya yang lebih dikenali dengan panggilan Mat Taib sambil diikuti dengan laungan takbir daripada hadirin.

Beliau berkata demikian dalam ceramahnya 'PAS Pilihan Saya' yang diadakan di Padang Bola Sepak Bukit Kuching Hilir Jeram di sini yang dihadiri kira-kira 3,000 orang.

Turut hadir dalam program ceramah itu, Calon Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad dan Calon DUN Jeram, Rashid Kassim.

Mat Taib juga dengan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor dalam melaksanakan budaya ilmu dan keagamaan dalam Majlis Sambutan Mer-


deka dengan menjemput penceramah agama yang tidak pernah dilaksanakan di bawah Umno-BN.

Ia berbanding dengan Kerajaan Umno-BN yang lebih kepada program berbentuk hiburan melampau yang merosakkan rakyat.

"Apabila saya menjelajah ke seluruh negeri Selangor, saya menyeru, wahai ahli-ahli Umno, marilah balik semula dan mengikuti jalan Allah kembali," katanya.

T a m b a h - nya, kita perlu mengikuti jalan yang lurus,

yang diajar kepada kita sebagaimana orang-orang yang terdahulu mengikuti ajaran Islam yang sebenar. Beliau juga menyeru rakyat Selangor memberikan sokongan penuh kepada calon PR bagi memastikan kemenangan mereka walaupun katanya akan wujud 'pengundi luar' yang akan di bawa bagi merampas Selangor daripada PR," kata Mat Taib.



Mat Taib mengangkat tangan calon DUN Jeram, Cikgu Muhammad Rashid dan calon Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad



Orang ramai memenuhi Padang Bola Sepak Bukit Kuching, Hilir Jeram, Kuala Selangor bagi mendengar amanat Mat Taib

# Semai belia dengan nilai keagamaan



**Calon DUN Sungai Panjang, Mohd Fadzlin berjumpa para peniaga di Pekan Sungai Besar**

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SUNGAI BESAR** - Warga Sungai Panjang terutama belia akan disemai dengan program keagamaan di Masjid dan Surau sekitarnya.

Calon PAS DUN Sungai Panjang, Mohd Fadzlin Taslimin, 64, berkata ia akan dapat dilaksanakan dengan menjadikan Surau dan Masjid dihidupkan dengan program-program keilmuan.

Untuk generasi muda beliau menasaskan untuk menyediakan program bersesuaian dengan minat dan kecenderungan anak muda terbabit.

"Contohnya seperti program kesukanan dalam aktiviti itu kita akan menyelitkan dengan solat berjemaah dan tazkirah yang diselitkan dengan program keagamaan agar mereka akan mendapat panduan hidup yang lebih bermakna," kata Fadzlin.

Beliau berkata demikian selepas Program Bertemu Pengundi di Pasar Pagi Pekan Sungai Besar dan Program Beramah Mesra dengan masyarakat peniaga di Pekan Sungai Besar.

Tambah Fadzlin, beliau akan berusaha memperjuangkan dan membela nasib para petani dan pesawah di Sungai Panjang dengan program pembangunan bagi meningkatkan kadar pendapatan para petani.

"Kita juga akan menambahkan kepada para petani dengan ilmu yang berguna kepada mereka dengan kerjasama Jabatan Pertanian bagi memperjelaskan bahawa pertanian ini adalah satu ibadah," katanya yang juga Yang Dipertua PAS Kawasan Sungai Besar.

Ujar beliau lagi, kerajaan Umno-BN sebelum ini agak kurang memberi penekanan kepada program-program keagamaan bagi mendidik masyarakat ke arah membuat kebaikan dan

mencegah kemungkaran.

"Sebab itu saya menawarkan kepada penduduk di Sungai Panjang ini dengan program-program keagamaan dengan prasarana sedia ada, dengan tenaga sedia di sini," kata beliau.

Katanya lagi sepanjang program bertemu pengundi sejak penamaan calon menunjukkan sokongan yang beliau perolehi semakin meningkat dari masa ke semasa.

"Sokongan yang ditunjukkan lebih baik daripada PRU 2008, khususnya masyarakat Cina dan Melayu yang mahukan perubahan politik berlaku di negara ini," ujarnya.



**Calon Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa sewaktu berucap pada majlis ceramah kelompok**

## PR yakin tawan Sepang

**SEPANG** - Pakatan Rakyat (PR) yakin untuk menawan Parlimen Sepang berikutan pertandingan empat penjuru yang berlaku akan memecahkan undi untuk calon BN dan Bebas.

Calon PR Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin berkata, persaingan itu tidak menggugat PR sebaliknya memberi kesan kepada pihak lawan.

"Kita lihat di sini undi akan pecah antara tiga calon ini. Memang ada perubahan di Sepang yang bagus untuk PR.

"Mudah-mudahan dengan kerja kuat dijalankan, kita akan dapat menawan Sepang," katanya selepas sesi bertemu rakyat di sini.

Beliau berkata, penyingkiran 58 ahli

Umno yang bertanding sebagai calon bebas dalam pilihan raya ini adalah bukti parti itu menghadapi masalah dalaman.

Katanya, ini menggambarkan perbalahan di kalangan pemimpin dan ahli Umno sendiri.

"Pemilihan calon kali ini Umno sendiri tidak yakin, ada yang sepatutnya terpilih tak terpilih. Datuk Seri Najib Razak kata nak letak 'winnable candidate', kita pun hairan dengan kredibiliti calon yang dipilih," katanya.

Menurutnya, ia petanda negatif terhadap BN untuk pilihan raya kali ini.

"Perubahan untuk tolak BN sudah makin hebat di kalangan rakyat," katanya.



### TANYA KHABAR...

Calon PKR DUN Bukit Melawati, M Manikavasagam menziarahi Ketua Kampung Api-Api, Miswandi Ngali, 66, yang mengidap sakit kanser sewaktu berkempen bertemu rakyat baru-baru ini

# PAKATAN RAKYAT BELA WANITA



Berpadu • Berubah • Berkat



## Pakatan angkat martabat wanita

- 30 peratus wanita dilibatkan sebagai pembuat dasar.
- Lebih ramai ahli Parlimen dan menteri wanita untuk buat keputusan tepat mengenai kepentingan wanita.
- Bantah dasar yang menyusahkan wanita di Parlimen atau DUN.
- Kelantan larang pembukaan kelab hiburan sejak 1990.
- Selangor kurangkan kewujudan kelab hiburan, rumah urut. Tiada lesen baru diluluskan sejak 2008.
- Negeri Pakatan lain praktikal polisi serupa.

## Skim Caruman Wanita Nasional

Caruman suami **RM120-RM1,200**

Caruman dari kerajaan **RM600**

Jumlah simpanan: **RM30,000**

Simpanan boleh dikeluarkan pada usia 50 tahun dan jumlahnya mencecah RM30,000 jika tiada hal kematian, perceraian, hilang upaya.



- Ia bertujuan membebas nasib dan pengorbanan wanita yang melibatkan peruntukan **RM3 bilion**.
- Pada kadar minimum **RM120** hingga **RM1,200**, suami mencarum mengikut kemampuannya. Kerajaan Persekutuan pula menyumbangkan **RM600** setahun tanpa mengira tahap sumbangan.
- Caruman boleh dikeluarkan jika ada kematian pasangan, perceraian, hilang upaya kekal, kehilangan kekal pendapatan dan lain-lain.
- Jika tidak, suri rumah boleh mengeluarkan simpanan pada usia 50 dan jumlahnya dianggar mencecah **RM30,000**.

## Keselamatan & pendidikan

- Cadang polis SB ditempatkan di kawasan awam bagi menjaga keselamatan wanita.
- Polis lebih banyak dalam kenderaan awam bagi halang kes ragut dan cabul.
- Rondaan kejiranan dipertingkatkan untuk jaga kawasan perumahan dan wanita yang tinggal sendirian.
- Lebih ramai wanita mengikuti kursus mudah bagi yang tidak melanjutkan pelajaran ke menara gading.
- Lebih banyak kursus kemahiran ditawarkan kepada suri rumah tangga untuk tambah pendapatan keluarga.



## Peruntukan penjagaan anak

Berapa peruntukan? **RM940 juta setahun.**

Slapa dapat? **Maksimum 2 anak bawah 12 tahun**

Berapa jumlah? **RM1,000 setahun untuk seorang anak**

Slapa layak? **470,000 isi rumah**

- Peruntukan Skim Elaun Penjagaan Anak (SEPA) diperkenalkan untuk membantu wanita bekerja yang pendapatannya kurang **RM1,000**. Setiap seorang kanak-kanak berusia bawah 12 tahun diberi **RM1,000** setahun, terhad kepada dua anak setiap keluarga.
- Skim itu membantu ibu bekerja untuk membayar yuran pengasuh. Ia memberi manfaat kepada kira-kira 470,000 isi rumah di Malaysia.

# REKOD

**Peruntukan menurun setiap tahun!**

2010 **RM2.4 bilion**

2011 **RM2 bilion**

2012 **RM1.9 bilion**

2013 **RM1.8 bilion**

- Peruntukan terhadap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menurun setiap tahun sejak 2010.
- Hanya 0.2 peratus diperuntuk kepada dalam Bajet BN 2013 yang berjumlah **RM251.6 bilion**. Nilai keseluruhan Bajet BN ialah **RM251.6 bilion**, bertambah 8 peratus tapi hanya 0.2 peratus untuk wanita.



**BN** abai maruah, kehormatan wanita



- Statistik menunjukkan polis yang mengintip pergerakan politik rakyat lebih ramai daripada yang menyiasat kes jenayah.
- Unit Cawangan Khas (SB) menghasilkan 733,000 laporan. Mengintip kira-kira 4.3 peratus penduduk dewasa Malaysia.
- Jabatan Siasatan Jenayah hanya membuka 212,000 fail jenayah iaitu 30 peratus lebih kecil daripada aktiviti mengintip.
- Ia menyebabkan jenayah terhadap golongan wanita menjadi-jadi terutama rogol, cabul, ragut dan banyak lagi.



## BN SEKSIS

- Buka banyak rumah urut dan pusat hiburan dengan wanita dijadikan objek seks.
- Biar wanita alami diskriminasi gender, pencabulan seks dan mangsa gangguan seksual.
- Ahli Parlimen BN sering mencarut dan menyindir wanita di dalam parlimen



## Lagi banyak kes rogol, lagi kurang tangkapan

Tahun	Kes	Tangkapan
2005	2,427	308
2006	2,943	410
2007	3,689	304
2008	3,986	228
2009	4,238	187
<b>JUMLAH</b>	<b>17,283</b>	<b>1,437</b>



# BN Sarawak akui 11 kerusi Parlimen dalam bahaya

**GELANG PATAH** - Barisan Nasional (BN) Sarawak sendiri mengakui bahawa 11 kerusi Parlimen di negeri itu berada dalam bahaya sekaligus menceraikan peluang Pakatan Rakyat (PR) melangkah ke Putrajaya pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), 5 Mei ini.

Calon Pakatan Rakyat Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang yang baru pulang dari lawatan ke Sabah dan Sara-

**“Bagaimanapun ia tidak mustahil kerana sudah lima tahun sudah berlalu tambahan pula kebanyakan rakyat sudah bosan dengan pemerintahan BN yang banyak melakukan penyelewengan, rasuah, memperkayakan kroni, salah guna kuasa dan tadbir urus yang tidak betul**

**LIM KIT SIANG**  
Calon Pakatan Rakyat  
Parlimen Gelang Patah



**Kit Siang**  
melayani  
pengundi  
warga emas di  
Gelang Patah

wak berkata sasaran memenangi 33 kerusi Parlimen di Sabah, Sarawak dan Johor sebagai pra-syarat untuk rakyat Malaysia ke Putrajaya.

Katanya, ini adalah sasaran yang tinggi untuk memenangi 33 daripada 83 kerusi Parlimen di tiga negeri ‘deposit tetap’ BN itu.

Ini kerana pada PRU 2008

lalu PR hanya memenangi tiga kerusi, satu kerusi di setiap negeri iaitu Bandar Kuching, di Sarawak, Kota Kinabalu (Sabah) dan Bakri (Johor).

“Bagaimanapun ia tidak mustahil kerana sudah lima tahun sudah berlalu tambahan pula kebanyakan rakyat sudah bosan dengan pemerintahan BN yang banyak

melakukan penyelewengan, rasuah, memperkayakan kroni, salah guna kuasa dan tadbir urus yang tidak betul,” katanya dalam kenyataan media di Pusat Ops PR Gelang Patah, hari ini.

Katanya, laungan “Markotop Kalilah” di Sabah kuat dan jelas begitu juga dengan laungan “Ubah” di Sarawak diiringi

laungan “Markotop Kalilah – Ubah” menjadi inspirasi semula rakyat Malaysia.

Katanya, dengan menambah 33 kerusi Parlimen daripada 79 kerusi yang dimenangi PR di negeri lain, PR akan mencapai angka ajaib 112 untuk memenangi majoriti mudah daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat.

## Saramsak jadi duta DHPP



**Saramsak diraikan sebagai Duta DHPP oleh calon Parlimen Padang Terap, Nasir Zakaria**

**PADANG TERAP** - Penyertaan dan pelantikan bekas pemain bola sepak negara, Saramsak Kram sebagai Duta Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) Padang Terap mendapat sambutan baik.

“Beliau mempunyai peminat yang cukup ramai. Sebagai pemain bolasepak kebangsaan dan pemain Kedah, beliau adalah wakil massa Siam yang santai,” ujar calon PAS Parlimen Padang Terap, Mohd Nasir Zakaria.

Beliau percaya penyertaan Saramsak dari kaum Siam itu di dalam DHPP kawasan akan melonjakkan jentera Pakatan Rakyat Padang Terap untuk menghadapi PRU13 ini.

Nasir mengumumkan penyertaan Saramsak itu pada

**“Beliau mempunyai peminat yang cukup ramai. Sebagai pemain bolasepak kebangsaan dan pemain Kedah, beliau adalah wakil massa Siam yang santai**

**MOHD NASIR ZAKARIA**  
Calon PAS Parlimen  
Padang Terap

satu majlis yang diadakan di Bilik Gerakan DHPP Padang Terap, kelmarin.

Penyandang kerusi Parlimen Padang Terap itu berkata, kehadiran bekas pemain negara dan Kedah, Radhi Mat Din pada majlis itu amat bermakna.

# Takbir bergema di Masjid Besi Putrajaya



**PUTRAJAYA** - Masjid Tuanku Mizan atau lebih dikenali Masjid Besi Putrajaya bergema dengan teriakan takbir 'Allahuakbar' apabila jamaah solat Jumaat masjid itu melihat Tuan Guru Datuk Nik Aziz di sana.

Kehadiran Tok Guru Nik Aziz, Mursyidul Am PAS itu disedari apabila beliau keluar dari masjid selepas selesai solat Jumaat.

Tok Guru Nik Aziz yang menunaikan solat di situ Jumaat kelmarin selepas tiba di KLIA pada paginya untuk menyertai kempen menuju Putrajaya sepanjang hari tersebut.

Sepanjang berada di Ibu Negara, Menteri Besar Kelantan itu mempunyai jadual yang padat.

Petangnya, beliau ke Lembah Pantai bagi memberikan sokongan moral kepada Puteri Reformasi, Nurul Izzah Anwar.

Malamnya pula beliau berceramah membantu calon PAS Putrajaya, Datuk Husam Musa di Presint 3 iaitu di belakang kompleks Mahkamah Persekutuan.

Dalam pilihan raya kali ini, Tok Guru Nik Aziz memper tahankan kerusinya di Chem-paka, Pengkalan Chepa.



**Para jemaah di Masjid Besi, Putrajaya mengerumuni Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat**

## Peguam percuma untuk yang diambil tindakan kerana hadiri ceramah PAS

**KUALA LUMPUR** - PAS memberikan jaminan akan membela kakitangan awam yang dikenakan tindakan disiplin kerana menghadiri program calon pembangkang.

Di dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agong PAS Datuk Mustafa Ali dan Ketua Penerangan PAS Pusat Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, para kakitangan awam yang dianiaya akibat politik kotor dan peras ugut ini akan dibela oleh Pasukan Guaman PAS dan Pakatan Rakyat, terutamanya mereka

yang berada di Putrajaya.

"PAS hari ini memberi jaminan kepada mereka yang teraniaya, terutamanya kakitangan awam yang diambil tindakan disiplin kerana mendengar ceramah dan menyertai program calon PAS P-125 Putrajaya Datuk Husam Musa dan mana-mana calon Pakatan Rakyat yang lain, akan dibela oleh Pasukan Guaman PAS/Pakatan Rakyat," tegas Mustafa dan Tuan Ibrahim.

PAS, kata mereka, mendapat laporan bahawa ramai kakitangan awam dikenakan pelbagai

ugutan dan tekanan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan ahli politik BN kerana menghadiri ceramah dan program calon parti pembangkang.

Mustafa dan Tuan Ibrahim turut berkata politik kotor dan peras ugut sedemikian harus dihentikan segera.

"Rakyat dan kakitangan awam berpeluang menamatkan semua ini dalam 10 hari akan datang. Undilah dengan bijak dan undilah untuk perubahan demi Malaysia yang lebih demokrasi dan makmur," tambah mereka.

### DARI W8

## Mangsa politik kotor, peras ugut akan dibela

"Mereka dah berbisik sesama sendiri - nak takut apa, saya undi untuk kerajaan, tapi kerajaan yang baru. Mereka undi menyokong kerajaan baru, jadi apa nak takut?" katanya dengan berseloroh.

Sumber Umno itu turut memuji kenyataan bersama Setiausaha Agong PAS Datuk Mustafa Ali dan Ketua Penerangan PAS Pusat Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang memberi jaminan kepada para kakitangan awam yang dianiaya akibat politik kotor dan peras ugut ini akan dibela oleh Pasukan Guaman PAS dan Pakatan Rakyat, terutamanya mereka yang berada di Putrajaya.

"Pengumuman itu sangat ditunggu-tunggu oleh seluruh warga Putrajaya," kata beliau, yang yakin ada YB Putrajaya yang baru selepas 5 Mei ini.

## BN gelabah, indikator jelas Putrajaya sudah goyang

KUALA LUMPUR: Sumber Umno memberitahu Harakahdaily pertandingan yang paling dirisaukan para pemimpin tertinggi Umno-BN kali ini ialah Putrajaya dan Gelang Patah. Persaingan kerusi di Putrajaya, katanya, semakin memihak kepada calon PAS iaitu Datuk Husam Musa, Naib Presiden PAS.

“Umno-BN gelabah sehingga mengenakan pelbagai tekanan pada penjawat awam di sana untuk menghindarkan mereka menghadiri ceramah Husam. Tapi semakin ditekan, semakin ramai penjawat awam yang setiap hari bertanya mengenai sambutan ceramah Husam.

“Ramai tak? Berapa ramai? Itulah soalan yang ditanya tiap-tiap malam oleh penjawat awam yang tidak berani hadir ceramah Husam kerana takut dikenakan tindakan oleh ketua jabatan,” kata sumber Umno itu.

Semalam, Husam melahirkan rasa sedih dan kecewa dengan satu maklumat yang diterimanya berhubung ada AJK di sebuah surau di Putrajaya dipecat berkuatkuasa serta merta hanya kerana membenarkan beliau mengadakan majlis suai kenal di surau tersebut.

“Saya mohon pada semua sahabat-sahabat yang baru saya kenali di Putrajaya, penduduk-penduduk Putrajaya dan seluruh rakyat negara Malaysia yang beragama Islam berdoa mohon kepada Allah supaya budaya politik sempit begini ditamatkan pada 5 Mei ini,” katanya.

Beliau berkata situasi itu menyebabkan mood perubahan warga Putrajaya semakin meningkat.

**Ramai tak? Berapa ramai? Itulah soalan yang ditanya tiap-tiap malam oleh penjawat awam yang tidak berani hadir ceramah Husam kerana takut dikenakan tindakan oleh ketua jabatan**

**SUMBER UMNO**

Menjawab persoalan Harakahdaily mengapa Umno harus gelabah di Putrajaya sedangkan itu kubu kuat mereka, sumber Umno itu menyatakan kerana mood di ceramah Husam sungguh memberi inspirasi ke arah perubahan.

“Sesiapa saja hadir akan terpukau dan akan tergerak hatinya untuk mengundi PAS dan Pakatan Rakyat kali ini,” katanya lagi.

Sumber Umno itu turut menyatakan bahawa pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak dan Mahathir bakal bertandang ke Putrajaya tidak lama lagi untuk menyelamatkan calon mereka Setiausaha Agung Umno Tengku Adnan Tengku Mansor.

“Muhyiddin dah turun ke Putrajaya dan terus serang Husam. Selepas ini Najib dan Mahathir akan datang menyerang Husam, itulah indikator Putrajaya dah goyang,” katanya.

Hasil kajian yang dikeluarkan Pusat Kajian Pilihan raya dan Demokrasi Universiti Malaysia (UMCEDEL) yang menyatakan populariti Najib lebih rendah berbanding Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam siapa lebih layak menjadi Perdana Menteri telah memberikan keyakinan untuk penjawat awam untuk membuat keputusan.

“UMCEDEL dah bagi bayangan Umno-BN akan tumbang. Kalau ada kakitangan kerajaan di Putrajaya yang sebelum ini takut undi Husam, ketakutan itu semakin berkurangan.

[Lihat muka 7](#)



Bekas Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral (B) Datuk Ir. Ismail Bin Samion [dua dari kanan] mengumumkan penyertaannya ke dalam PAS

## Bekas Naib Canselor pula sertai PAS

KUALA LUMPUR: Seorang lagi tokoh masyarakat mengumumkan penyertaannya ke dalam PAS hari ini sebagai pernyataan sokongan kepada Pakatan Rakyat menuju Putrajaya.

Leftenan Jeneral (B) Datuk Ir. Ismail bin Samion, adalah bekas Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional (UPNN) menyerahkan borang permohonannya kepada Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali.

Turut serta di majlis yang diadakan di Pusat Media PAS itu adalah Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar.

Mahfuz ketika mengalu-alukan kemasukan Ismail, berkata lonjakan ini akan memberi ruang kepada mana-mana bekas tentera untuk tampil berani bersama-sama

menyokong Pakatan Rakyat.

“Bukan sahaja bekas tentera, malah anggota tentera yang masih berkhidmat pun perlu bersama-sama berani membuat perubahan. Sehubungan itu, saya menyeru yang lain, khususnya TUDM untuk menjejaki langkah Datuk Ismail ini,” kata beliau kepada wartawan.

Mustafa pula menyifatkan kemasukan Ismail itu merupakan satu gambaran kesedaran yang menyeluruh di kalangan rakyat yang mahukan perubahan.

Dilahirkan di Kuala Nerang, Kedah pada 23 Nov 1951, Leftenan Jeneral (B) Datuk Ir. Ismail Bin Samion (TUDM) merupakan lulusan dari Universiti Reading, UK dalam bidang kejuruteraan mekanikal pada tahun 1980.

Beliau telah berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia selama 38 tahun sebagai seorang jurutera dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Komandan Akademi Tentera Malaysia (MAM) dan akhirnya sebagai Naib Canselor (VC) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Beliau dilantik sebagai ketua jurutera TUDM (1997 hingga 2000) sebelum dilantik sebagai komandan MAM pada tahun 2001.

Apabila Akademi dinaik taraf kepada Universiti Pertahanan, pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Naib Canselor pertama.

Beliau merupakan jurutera pertama yang dilantik sebagai Naib Canselor sesebuah IPTA.

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Isu padang Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Kelana Jaya yang mahu dibangunkan sebagai projek komersial tahun lalu tidak memberi kesan besar kepada calon PKR DUN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Ini kerana Nik Nazmi merupakan antara individu yang memainkan peranan penting menentang projek itu sehingga membawa pembatalan projek tersebut.

"Isu ini amat dekat di hati penduduk Kelana Jaya.

"Saya yakin penduduk Kelana Jaya tahu saya bersama mereka, bersama Jawatankuasa Selamatkan Padang Rakyat daripada peringkat awal bawa ke Dewan (Negeri Selangor), ke Jawatankuasa Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat).

"Saya juga bersama jawatankuasa itu membawa ke Lembaga Rayuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan akhirnya yang terbaru, PKNS menarik balik rayuan mereka," kata Nik Nazmi ketika ditemui selepas beliau bertemu pengundi di Taman Ladang Glenmarie di sini.

Nik Nazmi dalam misi mempertahankan kerusi DUN yang

# Padang PKNS, penduduk Kelana Jaya tahu saya bersama mereka

**Dahulu orang tak kenal saya, mungkin mereka undi PKR kerana marah kepada BN, tetapi sekarang lebih mudah memandangkan kini mereka sudah kenal saya dan saya yakin mereka nampak kerja yang saya buat di sini**

**- NIK NAZMI  
PKR DUN Seri Setia**

dimenangi 2008 lalu berharap pengundi Seri Setia dapat menilai prestasi kerjanya sebagai wakil rakyat dalam penggal lepas.

"Dahulu orang tak kenal saya, mungkin mereka undi PKR kerana marah kepada BN, tetapi sekarang lebih mudah memandangkan kini mereka sudah kenal saya dan saya yakin mereka nampak kerja yang saya buat di sini," kata Nik Nazmi.

Rata-rata pengundi yang



Nik Nazmi mengedar manifesto dan risalah Pakatan Rakyat di rumah sekitar Taman Ladang Glenmarie

ditemui mengaku mereka mengenali Nik Nazmi dan bersedia membantu PR mempertahankan Selangor, sekaligus menang di peringkat Persekutuan.

## PR selesai kekurangan tanah rumah ibadat tinggalan BN

SUBANG JAYA - Lima tahun menerajui Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor berjaya mengatasi masalah kekurangan tanah bagi rumah-rumah ibadat di DUN Subang Jaya yang sebelum ini tidak diberi perhatian oleh Umno-BN.

"Masalah seperti Persatuan Buddha Subang Jaya masa era BN, sudah memohon kira-kira 10 tahun, akhirnya di bawah Kerajaan Negeri sekarang tanah seluas 6,000 kaki persegi sudah digazetkan.

"Persatuan Sikh Subang pula sebelum ini hanya menggunakan lot kedai, sekarang Kerajaan Negeri beri satu lot tanah seluas 10,000 kaki persegi dan satu lagi Kuil Sri Subramaniam," beritahu Calon PKR DUN Subang Jaya, Hannah Yeoh kepada Selangor Kini.

Manakala bagi rumah ibadat penganut Islam di Subang Jaya pula tidak menghadapi sebarang masalah dalam isu tanah ini.

"Setiap tahun masjid-masjid dan surau saya turunkan perun-



Hannah bertemu pengundi berhampiran SJK (C) Chee Wen di USJ

tukan Kerajaan Negeri melalui Adun Subang Jaya bagi mereka menjalankan aktiviti dan juga peruntukan khas di bulan Ramadan," ujar Hannah.

Menurut Hannah lagi, pihak Adun turut berjaya mengadakan

majlis-majlis dialog bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi penduduk Subang Jaya.

Contoh terdekat ialah pembatalan pembangunan Taman Subang Ria hasil daripada dialog Menteri Besar dengan penduduk.

## Rekod baik PR, ubah persepsi Melayu Permatang

KUALA SELANGOR - Rekod cemerlang Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Selangor berjaya mengubah persepsi pengundi Melayu DUN Permatang.

Menurut Calon PKR DUN Permatang, Mohd Yahya Md Sahri (*gambar*) yakin bahawa pengundi di kawasan itu akan kembali memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat (PR) pada Pilihan Raya Umum Ke 13 (PRU-13) akan datang.

"Sejak 2008, PR perintah Selangor, pandangan masyarakat berubah khususnya orang Melayu di kawasan kelompok berpendapatan rendah yang kalau mahu buat perubahan sukar sebenarnya.

"Tapi bila mereka melihat ada pihak lain yang boleh menadbir dan mengurus mereka dengan baik, sudah tentu mereka akan pilih," ujarnya.

Dalam pada itu, Yahya berkata, Permatang seharusnya mendapat limpahan rezeki kerana menjadi tumpuan pertanian dan pembangunan luar bandar,



tetapi keadaan sebaliknya yang berlaku.

"Walaupun Kerajaan Pusat Umno-BN mengeluarkan peruntukan yang besar dalam bidang asas tani dan pertanian tetapi kehidupan mereka masih tidak

berubah kerana dibelenggu kemiskinan," katanya lagi.

Beliau yang juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Penyelaras DUN Permatang banyak menganjurkan pelbagai program dan kursus kepada masyarakat di kawasan itu.

Sejak 2008 lagi, golongan wanita dan ibu tunggal diberikan kursus kemahiran seperti memasak dan menjahit secara percuma supaya diberikan asas untuk menjalankan perniagaan bagi membantu keluarga.

"Kita dekati mereka (penduduk) dengan pelbagai kaedah, umpamanya setiap kampung di sini dibina gelanggang futsal dan dataran anak muda yang diilhamkan Kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka (penduduk) menjalankan pelbagai aktiviti," katanya lagi.



**Wong Chen bertemu dan menyampaikan risalah kepada warga emas di Parlimen Kelana Jaya**

## Penduduk Morib terabai di bawah Adun BN

Oleh NORHAYATI UMOR

**MORIB** - Calon PAS bagi DUN Morib, Hasnul Baharuddin mendakwa penyandang kawasan itu, Hasiman Sidom daripada BN gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Adun selama ini.

Sebagai Adun, Hasiman tidak turun padang dan mengabaikan kebijakan dan pembangunan kawasan terbabit.

Katanya, ia dikuatkan lagi apabila terdapat keluhan daripada beberapa pemimpin MCA.

"Sebagai contoh, sebelum Kerajaan Negeri Selangor ditadbir Pakatan Rakyat (PR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar menyalurkan peruntukan dana untuk pembangunan ins-



**Hasnul Baharuddin**

fraktur termasuk jalan.

"Namun, selepas bertukar kerajaan, pihaknya menggunakan dana itu untuk membaiki jalan yang tidak penting serta mempunyai kaitan dengan kroni.

"Daripada segi kebijakan, banyak yang kita lihat tidak diberi perhatian, contohnya rumah-rumah ibadat, sedangkan pengerusi rumah ibadat itu sendiri orang MCA, tetapi beliau tidak endahkan. Pemimpin MCA sendiri menolak beliau," katanya ketika ditemui di program ceramah kelompok di Kelanang di sini.

Dalam pada itu, Hasnul berkata, dalam tempoh lima tahun beliau berkhidmat sebagai Penyelaras DUN, banyak program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) mendapat sambutan daripada penduduk.

"Sambutan program Kerajaan Negeri sangat menggalakkan dan sebagai orang yang dipertanggungjawabkan, saya fikir ia merupakan amanah yang perlu saya tunaikan," katanya.

## Kurangkan jenayah di Kelana Jaya

**KELANA JAYA** - Masalah jenayah yang tinggi di kawasan bandar seperti Kelana Jaya amat membimbangkan masyarakat.

Oleh itu, calon PKR Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen meletakkan sasaran untuk mengurangkan kadar jenayah berkenaan.

"Contohnya, usaha membenteras jenayah, antara tindakan yang boleh diambil ialah mengalihkan 90 peratus aktiviti Cawangan Khas polis daripada pengintip politik kepada kerja membenteras jenayah," ujar calon beru-

mur 45 tahun itu.

Selain jenayah, usaha menghapuskan rasuah, menurunkan bil elektrik, mengatasi kesesakan jalan raya, turunkan harga kereta dan Tabung Caruman Wanita Nasional merupakan antara 10 isu yang mahu diperjuangkan Wong sekiranya menang nanti.

Perjuangan yang akan dibawa nanti selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat (PR) dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat di Kelana Jaya.

Manakala empat yang lain

turut diperjuangkan, ekonomi cergas menjana peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran teknikal, hak asasi manusia dan demokrasi serta belanjawan bertanggungjawab.

Menurut Wong, berdasarkan mood yang ditunjukkan pengundi, beliau yakin PR akan mengekalkan kerusi Parlimen Kelana Jaya yang dimenangi pada 2008 lalu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan program bertemu pengundi di Parlimen Petaling Jaya.

## Pilih PR untuk kesinambungan bantuan MES



**SIMPATI... Muhamad Judi menziarahi warga emas yang uzur di DUN Sungai Burong**

**TANJONG KARANG** - Penduduk DUN Sungai Burong diminta memilih Pakatan Rakyat (PR) bagi meneruskan kesinambungan perjuangan Kerajaan Negeri PR Selangor.

Menurut calon PAS, DUN Sungai Burong, Muhamad Judi Sarjo, dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti pemberian 20 meter padu air percuma, Skim Mesra Usia Emas (SMUE), bantuan anak masuk universiti, dan lain-lain lagi menerima respons positif daripada penduduk.

Ketika sesi bertemu penduduk, Muhammad Judi meminta pengundi menilai sewajarnya parti mana yang berjaya membela nasib mereka dan bukannya hanya pandai menaburkan janji walaupun sekian lama menjadi

pemerintah di negeri dan juga di negara.

Menurut Muhamad Judi, rata-rata penduduk di kawasannya merupakan petani dan pekebun yang mempunyai pendapatan sederhana serta mempunyai anak-anak yang ramai belajar di universiti dan bekerja di bandar.

"Kebanyakan mereka tidak mengetahui dengan lebih jelas apa yang dilakukan Kerajaan Negeri kerana sumber maklumat yang terhad, tetapi melalui Pusat Khidmat DUN Sungai Burong, banyak bantuan dan penerangan dapat dilaksanakan sehingga mereka lebih jelas tentang dasar Kerajaan Negeri.

"Maklum balas daripada penduduk amat baik, malah ada yang memuji kerana mendapat SMUE

dan bantuan anak masuk universiti sebanyak RM1,000 kerana kebanyakannya berpendapatan rendah," katanya yang merupakan Yang Dipertua PAS Tanjung Karang.

Katanya, penduduk kaum Cina di beberapa kawasan seperti di Bagan Tengkorak, Bagan Pasir dan Kampung Sungai Burong juga memberikan sokongan padu kepadanya demi menewaskan Umno-BN pada PRU-13 akan datang.

Dalam pada itu, Muhammad Judi merupakan anak jati Tanjung Karang, berkelulusan diploma pendidikan dan merupakan pesara Guru Besar di Sekolah Rendah Agama Bukit Belimbing selepas berkhidmat selama 28 tahun sebagai guru.

**Selangor Kini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT:** Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:**

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PEN. PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:**

Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURU GAMBAR:** Raheem Arifin,

Shuaib Ayob & Asri Sappie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites

No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com

Oleh MOHD EZLI MASHUT

# BN abai infrastruktur Kg Bagan Parit Baru Baruh

**SABAK BERNAM** - Kira-kira 200 penduduk Kampung Bagan Parit Baru Baroh di sini kecewa dengan sikap Umno-BN yang mengabaikan pembangunan infrastruktur kampung itu yang wujud sejak 1970-an.

Seorang penduduk, Ng Tiam Chai, 44, yang ditemui wartawan Selangor Kini berkata, wakil rakyat Umno-BN tidak pernah turun padang melihat kedaifan perkampungan nelayan itu.

Katanya, kesukaran penduduk di situ ditambah lagi dengan laluan pejalan kaki yang diperbuat daripada kayu telah usang dan berisiko tinggi untuk roboh bila-bila masa.

Beliau mengharapkan wakil rakyat yang dipilih selepas ini akan dapat memperbaiki laluan pejalan itu dengan konkrit yang lebih kukuh dan selamat untuk dilalui penduduk.

Justeru, beliau dan penduduk di situ tekad memberikan sokongan kepada calon daripada Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU) ini agar mendapat pembelaan kelak.

Dalam pada itu, kesusahan penduduk itu mendapat perhatian Calon Pakatan Rakyat Parlimen Sabak Bernam, Dr Abdul Aziz Bari dan Calon DUN Sungai



**Dr Abdul Aziz Bari dan Calon DUN Sungai Air Tawar, Wahid Rais (kiri) mendengar penerangan daripada salah seorang penduduk di situ. Gambar bawah: Keadaan laluan pejalan kaki yang daif**



Air Tawar, Wahid Rais yang turun padang bertemu masyarakat di sana.

“Apabila tiada wakil rakyat yang berwibawa di kawasan ini, maka penduduk di sini bagaikan ‘ayam kehilangan ibu’ yang tiada tempat untuk mengharapkan pembelaan,” kata Dr Aziz.

Tambah Dr Aziz, beliau akan

menangani masalah yang dihadapi penduduk di sini ke peringkat persekutuan yang mempunyai dana pembangunan yang lebih besar.

“Ia melibatkan Kementerian Pertanian dan beberapa agensi lain jadi pembangunan infrastruktur ini sesetengahnya bukan melibatkan kuasa di bi-

dang negeri.

“Sebab itu Pakatan Rakyat ingin mendapatkan kerajaan di peringkat Pusat agar masalah seperti ini dapat di atasi,” ujar beliau.

Sementara itu, calon DUN Sungai Air Tawar, Wahid Rais berkata, beliau agak terkejut dengan kedaifan infrastruktur

di kampung itu yang disifatkan beliau dianaktirikan daripada pembangunan yang sewajarnya.

## Billboard air percuma Umno-BN salah beri maklumat

**TANJONG KARANG** - Sudahlah meniru pemberian air percuma, Umno-BN Tanjung Karang bertindak ‘kurang cerdas’ apabila salah menyampaikan maklumat dengan memasang papan tanda janji memberi ‘Air Percuma 20 Liter’.

Bagi calon PAS Parlimen Tanjung Karang, Mohammad Rashdi Deraman, ini merupakan contoh terhadap sikap tergojoh-gojah dalam melaksanakan sesuatu dasar demi memenangi semula hati rakyat Selangor yang menolak Umno-BN pada 2008.

“Rakyat tidak mudah tertipu biarpun billboard berkenaan baru dipasang, tetapi ia diperkatakan hampir semua penduduk yang saya jumpa,” katanya.

Rata-rata penduduk yang ditemui ketika sesi ceramah di Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang juga memberikan respon yang sama dan mempersoalkan tiada siapa pun di kalangan Umno-BN yang perasan mengenai kesalahan maklumat di billboard berkenaan.

Sebelum ini, Umno-BN langsung mengkritik tindakan Kerajaan Negeri memberikan air percuma kepada rakyat tetapi akhirnya terpaksa menelan kegoan dan keangkuhannya apabila berhasrat meneruskan dasar ini jika berjaya menawan Selangor dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor melalui Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sejak lima tahun lalu memperkenalkan pemberian air percuma sebanyak 20 meter padu.

Tinjauan semula ke billboard yang dipasang di tepi jalan utama Tanjung Karang ke Sabak Bernam itu telah ditanggalkan.



**Melawat pengundi di kawasan Kampung Bagan Pasir, Tanjung Karang**



dari muka 8

## Berjaya bantu dapatkan IC

“Majoriti penduduk di Taman Ladang Glenmarie ini merupakan orang-orang India berasal dari pelbagai latar belakang termasuk bekas pekerja estet yang ada di antara mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

“Saya bernasib baik mempunyai team kerja yang bagus terutama Muthusamy yang mainkan peranan besar untuk dapatkan rekod mereka dan kita bantu mereka.

“BN 10 tahun gagal selesaikan. Ini membuktikan jika kita mempunyai keazaman politik, insya-Allah kita berjaya selesaikan sebab ada kesungguhan di situ.

“Terima kasih juga kepada pegawai pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang berusaha membantu,” kata Nik Nazmi.

Menurut Muthusamy, selain Munnisha terdapat lebih 200 penduduk Seri Setia yang menghadapi masalah ketiadaan sijil kelahiran atau kad pengenalan.

“Selain Munnisha, ada lima atau enam orang lagi yang saya berjaya bantu dapatkan sijil kelahiran atau kad pengenalan dari JPN.”



PAKATAN HARAPAN RAKYAT



11 tahun tiada sijil kelahiran

## Kemenangan PR Selangor ubah nasib Munisha

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Sathiya Wani, 41, merenung dalam mata Munisha Selvaraj, 12, dengan pandangan sayu memikirkan masa depan anak kelimanya.

Selepas lebih 10 tahun bersabar dengan janji pemimpin MIC-BN untuk selesaikan masalah ketiadaan sijil kelahiran Munisha, akhirnya Sathiya dan suami berputus asa dan harapannya bertukar menjadi impian yang tidak mungkin kesampaian.

Ketika harapannya semakin pudar dek bayangan kesuraman masa depan Munisha, kemenangan Pakatan Rakyat (PR) di Selangor pada 2008 memberi harapan baru buat Sathiya dan Munisha.

Pertemuannya dengan Ketua PKR Ranting Taman Ladang Glenmarie, P Muthusamy setahun lalu akhirnya membuahkan hasil apabila hanya dalam masa sebulan setengah sahaja Munisha kini memiliki sijil kelahiran.

Hari ini Munisha dengan ketawa riang mengaku dia sudah bersedia untuk menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) September depan.

"Kalau saya nak harapkan janji MIC-BN yang sudah 10 tahun, sampai sekarang tak selesai," kata Sathiya Wani.

"Dah tentu Munisha tak boleh menduduki peperiksaan UPSR. Nanti tak dapat teruskan persekolahan, masa depannya



**Kalau saya nak harapkan janji MIC-BN yang sudah 10 tahun, sampai sekarang tak selesai**

**- SATHIYA WANI**  
Ibu Munisha

jadi gelap.

"Nasib baik Muthusamy dan Adun kami berusaha bersungguh-sungguh bantu saya selesai-

kan masalah sijil kelahiran dan saya dah janji kepada diri saya akan mengundi PR," kata Sathiya Wani.

Calon DUN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, masalah dokumen kelahiran dan kewarganegaraan menyebabkan golongan terbabit menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan di hospital, memasuki persekolahan dan ketinggalan program kebajikan kerajaan.

Masalah ini membelenggu kira-kira 300,000 kanak-kanak

dan warga emas di seluruh Malaysia, majoritinya dari komuniti India, yang mempunyai kad pengenalan merah dan masih dinafikan hak mereka untuk mendapat KP biru.

Sepanjang lima tahun dahulu, pemimpin PR seperti N Surendren, Latheefa Koya dan Dr Xavier Jeyakumar berkali-kali membawa beberapa rombongan individu yang terjejas ini ke perhatian JPN.

Lihat muka 15



**TERIMA KASIH...**

Adik Munisha bersalaman dengan calon PKR DUN Sri Setia, Nik Nazmi Nik Mat yang membantunya mendapatkan taraf kad pengenalan yang mengesahkan beliau sebagai warganegara Malaysia yang sah selepas 11 tahun menanti. Gambar kecil: Ibu kepada Munisha, Sathiya Wani

Untuk informasi & Berita terkini Layari  
[www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)  
**mediaselangorku**